

# Orix tawar penyelesaian kewangan

**Kuala Lumpur:** Orix Leasing Malaysia Berhad (Orix), peneraju bidang penyewaan peralatan komited menyokong pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan menawarkan kemudahan penyelesaian kewangan.

Pengerusi Orix, Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar berkata, dalam landskap ekonomi yang mana PKS sering menghadapi ke-  
kangan mendapatkan pembiayaan daripada bank kon-

vensional, Orix rakan kongsi utama menawarkan penyelesaian kewangan disesuaikan khas untuk memacu pertumbuhan dan memperkasakan perusahaan.

Katanya, pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2023, pengaruh Orix merentangi pelbagai sektor, dalam bidang perkhidmatan perniagaan (26%), pengangkutan dan logistik (19%), pembuatan (18%), pembinaan (12%), dan perdagangan (10%).